

## The Use of CIPP Model in Carrying Out The Teaching of Specific Vocational Skills Among Special Needs Students With Average Ability

Zainoriza Zainun<sup>a</sup>, Abdul Rahim Razalli<sup>b</sup>, Khatijah Md Saad<sup>c</sup>

<sup>abc</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris – 35900 Tanjong Malim, Perak  
E-mail: [zzainoriza@yahoo.com](mailto:zzainoriza@yahoo.com)

**Abstract:** Specific Vocational Skills in Standard Secondary School Curriculum of Special Needs was introduced by the Ministry of Education Malaysia in 2017 as one of the skill subjects for special needs students with average ability in Special Education Integration Program. This research aimed to evaluate the special education teacher's availability in carrying out the Specific Vocational Skills teaching of special education students with average ability. CIPP Model was used to examine the availability in terms of knowledge and skills among teachers in carrying out the process of facilitating and the learning of special needs student based on the objectives and the research conceptual frame. The implication and the results of this research will be discussed critically in improving the quality of special education teachers as facilitators in specific vocational skills subject.

**Keywords:** special education teachers; vocational skills; special needs student; average ability

### PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi, Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBK) tidak terkecuali dalam mengembangkan potensi diri dan sama-sama bersaing untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan Bahagian 3, Murid Berkeperluan Khas ertinya murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan atau ketidakupayaan dan masalah pembelajaran (Pendidikan Khas, 2013). MBK bagi kategori penglihatan, pertuturan ditempatkan di sekolah-sekolah khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Manakala MBK bermasalah pembelajaran ditempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang berada di sekolah arus perdana.

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah menengah berperanan penting terhadap MBK di alam persekolahan sehingga ke alam kerjaya. Sehubungan itu, dalam menghasilkan insan yang berkemahiran ke arah meningkatkan kualiti hidup, PPKI menjadi salah satu program perkembangan bakat dan potensi MBK melalui pendidikan vokasional. PPKI turut menyediakan MBK dengan mengikuti program pendidikan yang menjurus kepada peningkatan potensi sedia ada bagi melahirkan kumpulan separuh mahir dan seterusnya menjadi aset kepada negara (Bahagian Pendidikan Khas, 2019). Sehingga Februari 2019 sejumlah 822 sekolah menengah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin terhadap kepentingan dalam penyediaan pendidikan yang relevan untuk MBK. Kurikulum kemahiran vokasional diberi perhatian dalam pendidikan golongan ini berbanding kurikulum akademik sedia ada (Hashim, Hisyam, Nassir & Idayu, 2017). Dengan itu, MBK diberikan pendedahan lebih kepada kemahiran vokasional agar mereka dapat membina dan bersedia memasuki alam perkerjaan setelah tamat persekolahan.

Sejajar matlamat itu, pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Malaysia Pendidikan Khas (KSSMPK) mulai 2017 turut mengambil kira kemahiran vokasional sebagai bidang yang relevan dengan ketidakupayaan MBK dalam menyediakan mereka ke arah transisi kerjaya. KSSMPK ini diguna pakai oleh semua MBK yang berada di tahap kefungsi sederhana dan rendah. MBK yang berada di tahap kefungsi tinggi berada di Program Inklusif akan mengikuti KSSM di arus perdana (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). MBK berkefungsi sederhana adalah mereka yang berupaya menguasai asas literasi dan numerasi dan berupaya menguasai dari segi bahasa dan komunikasi, sosio emosi, tingkah laku dan psikomotor. Mereka ini mempunyai keupayaan fizikal yang baik untuk diberikan latihan kemahiran vokasional yang dapat digunakan dalam kerjaya tertentu supaya dapat membina kemahiran yang berorientasikan kerjaya dalam membangunkan kompetensi dan kecekapan mereka di alam kerjaya. Rasul, Amnah, Rauf, Sulong, & Mansor (dalam Hashim et al., 2017) melihat konsep pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang affektif serta latihan dan amali yang berkesan perlu sebelum memasuki alam kerjaya. Pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan perlu memberikan impak yang berkesan dalam membina kemahiran MBK. Peranan Guru dalam mengajar kemahiran vokasional perlu dilihat secara kritis. Guru kemahiran vokasional dapat menghasilkan produk MBK berkefungsi sederhana yang berkemahiran setelah tamat persekolahan. Justeru, kajian ini ingin melihat kesediaan guru pendidikan khas dalam melaksanakan pengajaran Kemahiran Vokasional Spesifik murid berkefungsi sederhana dengan melihat aspek input, proses dan produk. Model KIPP digunakan dalam menilai pelaksanaan Kemahiran Vokasional Spesifik ini.

### **PELAKSANAAN PENGAJARAN KEMAHIRAN VOKASIONAL**

Meskipun kemahiran vokasional telah mengalami perubahan dan inovasi dalam memberikan peluang kepada MBK di PPKI mendapat pengetahuan asas vokasional dan kemahiran dengan lebih padat. Pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) di PPKI masih belum dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini kerana, KSSMPK dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2017 oleh KPM. Sebanyak 10 Kursus KVS yang ditawarkan iaitu, Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Pembuatan Roti, Pembuatan Pastrri, Operasi Servis Makanan dan Minuman, Pembuat Pakaian Wanita, Tanaman, Akuakultur, Multimedia Visual, Refleksiologi Kaki Tangan dan Telinga dan Pembuatan Perabot. Sekolah boleh memilih salah satu atau dua kemahiran untuk dilaksanakan kepada MBK. Sijil akan diberikan sama ada modular apabila MBK tamat setiap modul ataupun berjaya kesemua modul hingga Tingkatan 5 mengikut Standard Penilaian akan memperolehi Sijil Kemahiran Vokasional (SKM). Sijil ini amat berguna untuk MBK dalam memasuki alam kerjaya. Justeru itu, dalam memastikan objektif pelaksanaan kemahiran ini, peranan guru amat penting. Pengetahuan dan sikap yang tinggi sangat penting bagi seseorang guru dalam memastikan pengajaran berjalan dengan lancar dan dapat memberi kesan yang baik kepada murid (NurulFarahah & Suziyani, 2018). Guru hendaklah memiliki pengetahuan berkaitan kemahiran dan sikap yang positif untuk memberikan pengajaran yang terbaik kepada MBK.

Latihan dan pendidikan sepanjang hayat dalam kalangan guru PPKI yang mengajar KVS hendaklah diperluaskan ke semua guru. Sehingga kini, KPM telahpun melaksanakan Latihan secara berperingkat yang melibatkan kandungan pengajaran dengan mengadakan kursus-kursus dan bengkel-bengkel jurulatih utama peringkat kebangsaan dan negeri. Namun begitu iainya masih belum mencukupi dalam mengoptimalkan pengetahuan guru dalam konteks input dan proses. Kesediaan guru amat penting dalam pengajaran kemahiran vokasional yang menjurus kejayaan PdPc (Abdul Rahman, 2016). Guru perlu mendapat pendedahan hands on dengan mengikuti SKM atau sijil penilaian sebagai tenaga pengajar bagi melayakkan guru ditauliahkan SKM Tahap 3 dan seterusnya. Terdapat guru-guru yang berinisiatif untuk mengambil SKM dan kursus-kursus di kolej-kolej swasta di bawah seliaan Jabatan Tenaga Kerja yang menawarkan sijil tersebut. Namun tidak semua guru mempunyai akses komuniti yang terhampir untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran tersebut. Maka itu guru perlu kreatif dalam memastikan mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran mengajar KVS setiap modul dalam subjek kemahiran ini. Inilah situasi yang sedang berlaku dan perlu dihadapi bersama oleh guru-guru PPKI, peranan sektor pendidikan khas di Jabatan Pendidikan Negeri dan KPM.

Pelaksanaan Kemahiran Vokasional Spesifik dapat dilaksanakan sekiranya bahan kurikulum disediakan dengan lengkap. Menurut Finch dan Crunkilton (dalam Mat Zin, 2017) mendefinisikan Bahan Kurikulum adalah sumber prasarana dan kelengkapan yang dapat membantu guru dalam melaksanakan PdPc yang baik dan berkesan. Kemudahan prasana dan peralatan dapat membantu guru bersedia dalam memberi pengajaran kepada MBK. Mata pelajaran KVS amat memerlukan pendekatan hands on maka itu, peralatan dan prasana sebenar perlu ada dalam proses PdPc. Sebagai contoh KVS pembuatan roti sudah semestinya memerlukan prasana dan peralatan seperti bengkel kemahiran yang kondusif, mesin penguli, ketuher dan alatan penyukat dalam merencana PdPc yang berkesan. Oleh yang demikian, sudah pastinya peranan pentadbir (Mat Daros, Nordin & Saud, 2012), perlu memberikan sokongan dalam menyediakan kemudahan asas bagi memastikan kelangsungan kurikulum ini. Kajian lepas turut mendapati penyediaan infrastruktur yang kurang sempurna dan peruntukan modal turut memberi cabaran kepada kelangsungan pelaksanaan KVS (Rosmiza & Mimi Halida, 2020). Ini disokong oleh Nasnan

(2015) dan Paris (2016) yang menyatakan penyediaan infrastruktur yang baik memberi kesan kepada pelaksanaan Kemahiran MBK.

Justeru suatu kajian perlu dilakukan dengan mewujudkan suatu bentuk model atau kerangka penilaian yang khusus untuk melihat kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan proses pemudahcaraan dan pembelajaran murid pendidikan khas. Bagi tujuan ini model KIPP yang telah diperkenalkan oleh Stufflebeam boleh dirujuk.

### **PENGGUNAAN MODEL KIPP**

Kajian ini menggunakan model penilaian KIPP yang dibangunkan oleh Stufflebeam (1971). KIPP merupakan singkatan kepada Konteks, Input Proses dan Produk. Menurut Sopha dan Nanni (2019), model ini memberi penekanan dalam meningkatkan mutu amalan profesionalisme guru terhadap pengajaran. Kesediaan guru amat penting untuk menambah baik kurikulum dan penilaian sesuatu kemahiran. Model ini dapat membantu menambah baik sesuatu program dengan melihat kekuatan dan kelemahan dalam menilai pelaksanaan sesuatu mata pelajaran ((Mohd Tafizam & Ramlee, 2018). Proses ini disebut sebagai satu penilaian dalam menggambar, mengumpul dan menyelia maklumat yang berguna untuk membuat keputusan alternatif dengan menggunakan Model KIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2013). Dengan adanya penilaian ini dapat membantu menilai dan memperbaiki pelaksanaan pengajaran KVS MBK berkefungsian sederhana. Kajian ini tidak melihat aspek Konteks yang berkaitan dengan kurikulum yang telah disediakan oleh KPM. 3 domain yang akan mengupas kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran KVS murid pendidikan khas berkefungsian sederhana.

Kesediaan guru dalam aspek pengetahuan amat penting dalam membantu mencapai objektif pengajaran. Dengan itu, penilaian bagi domain input iaitu pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran KVS boleh dikaji secara empirikal. Kajian lepas mendapati kualiti pengajaran guru mempengaruhi domain produk yang akan dihasilkan. Ini menjelaskan bahawa dapatan daripada kajian lepas yang menggunakan penilaian Model KIPP menunjukkan keberkesanan pengajaran guru mempengaruhi pengetahuan dan kemahiran yang akan diperolehi oleh murid (Syed Khalid, 2018). Ini disokong oleh kajian Gonzalo, Daniela dan Luz Angela (2018) yang menyatakan terdapat guru yang tidak memperolehi sijil kemahiran dalam menyampaikan pengajaran. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran oleh guru memberikan impak kepada pengetahuan dan kemahiran murid.


Dapatan juga menunjukkan pentadbir juga perlu memberi sokongan dan komitmen dalam melaksanakan pengajaran (Mat Zin 2017). Sokongan pentadbir dilihat dari aspek menyediakan peralatan yang mencukupi bagi membolehkan pengajaran berlangsung dengan baik. Pentadbir bertindak sebagai mentor dan pembimbing kepada guru agar dapat menghasilkan PdPC berkesan. Ini disokong dengan dapatan yang menyatakan pihak pentadbir juga boleh mengadakan Program Perkembangan Staf atau latihan dalam pekhidmatan kepada guru berkaitan teknik dan kaedah PdPC yang bersesuaian (Norliah & Mohd Hanafi, 2016). Penyediaan sumber dan kemudahan bagi melaksanakan pengajaran menjadi tanggungjawab utama pentadbir bagi membolehkan kemahiran dilaksanakan menepati garis panduan yang ditetapkan. Selain menyediakan prasarana, penyelenggaraan peralatan guru (Mohd Tafizam & Ramlee, 2018) dapat membantu PdPC kemahiran dalam keadaan kondusif. Sokongan dan komitmen pentadbir dapat memberikan implikasi yang positif dalam dunia pengajaran KVS MBK.

Kajian oleh Mat Zin (2017) yang menggunakan Model KIPP untuk menilai pelaksanaan kurikulum MPV mendapati penilaian proses menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknikal tetapi perlu mempertingkatkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran teknikal guru sesuai dengan perkembangan semasa. Aspek penguasaan kemahiran strategi dan kaedah pengajaran amat penting dalam proses ini. Guru perlu bersedia dalam membuat Penilaian pentaksiran tahap penguasaan murid berkefungsian sederhana. Justeru, Pengetahuan dan kesediaan guru dari aspek kemahiran boleh ditingkat dengan latihan dan kursus yang sesuai bagi membolehkan proses pengajaran dan pentaksiran dilaksanakan dengan baik berdasarkan pensijilan modular dan pentaksiran kompetensi. Hal ini menyokong bahawa aspek latihan staf perlu ditingkatkan, terutamanya latihan staf yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan dari segi pengetahuan dan kemahiran guru (Mohd Tafizam & Ramlee, 2018). Tambahan, KPM wajar memberikan latihan kepada guru-guru sehingga mendapat akreditasi SKM (Suriman & Tahar, 2018). Dengan sijil yang diperolehi oleh guru melalui latihan SKM, akan memberikan impak yang baik kepada pengajaran kemahiran MBK.

- Dengan itu, domain produk dapat dicernakan dengan mencapai objektif di akhir PdPC KVS terhadap murid berkefungsian sederhana. Aspek ini dapat dilihat melalui pengetahuan, kemahiran dan Sikap murid itu sendiri (Mohd Nordin 2011). Penilaian produk dapat melihat keberhasilan dua domain input dan proses melalui tahap penguasaan MBK yang mempelajari sesuatu kemahiran. Ketiga-tiga domain ini dapat menghasilkan penilaian yang menyeluruh dalam tujuan utama iaitu melihat

kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan proses pemudahcaraan dan pembelajaran murid pendidikan khas. Dengan itu proses penambahbaikan akan diperolehi dengan melihat secara kritikal dapatan kajian berdasarkan objektif dan kerangka konseptual kajian seperti rajah 1. Berdasarkan kepada kerangka yang dibangunkan, pengkaji hanya melihat kepada tiga komponen utama dalam KIPP iaitu Input, Proses dan Produk. Bagi komponen Input, pengkaji akan menilai kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru. Manakala bagi komponen Proses pula menilai strategi/proses PdPc dan proses penilaian tahap penguasaan murid. Hasil pelaksanaan terhadap murid berkefungsian sederhana (Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap) turut dinilai dalam komponen produk untuk proses penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai program yang dibangunkan.

Rajah 1. Kerangka Konseptual Kajian diadaptasi dan diubahsuai dari Model KIPP, Stufflebeam et al. (1971), Mohd Nordin (2011) dan Mat Zin (2017)



## KESIMPULAN

Pemilihan Model Penilaian KIPP didapati sesuai dalam melaksanakan kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran KVS untuk jangka masa panjang dan berterusan. Ini kerana model KIPP ini dilihat dapat memberi impak dalam penilaian bagi pencapaian sesuatu program, produk, projek, institusi mahupun sistem berdasarkan kepada kerangka modelnya yang komprehensif. Komponen dalam struktur kerangka modelnya dapat dinilai melalui pengumpulan maklumat yang maksimum, maklumat dianalisa secara statistik dan pengukuran serta melaporkan maklumat yang telah dianalisa secara menyeluruh.

## RUJUKAN

- Abdul R. H., (2016). Kesediaan Pengetahuan Kemahiran dan Sikap Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Mengajar Kemahiran Hidup Pertanian. Universiti Kebangsaan Malaysia Bahagian Pendidikan Khas. (2019). Program pendidikan khas integrasi [versi elektronik]. Retrieved from Disember 2019, 13:59. website: <https://www.moe.gov.my/pendidikan/khas/program-pendidikan-khas-integrasi/tujuan-program>
- Hashim., Hisyam., Nassir., & I. (2017). Transisi kerjaya pendidikan khas vokasional : teori dan amalan. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Surat pekeliling iktisas KPM bil 9 tahun 2016 - pelaksanaan kurikulum standard sekolah menengah secara berperingkat tahun 2017 (p. 33). p. 33. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Data pendidikan khas 2018.
- Mat Zin, H. (2017). Penilaian pelaksanaan kurikulum MPV di negeri Kedah dan Pahang (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Mat Daros, M., Nordin, M. S & Saud, M. S. (2012). Pelajar Berkeperluan Khas dan Bermasalah Pembelajaran Dari Sekolah ke Kerjaya. *Journal of Social Science*. 5(1), 42-46.
- Mohd T. M. T., Ramlee. M. (2018). Sains Humanika Evaluation of the Implementation of Engineering Technology , Engineering Drawing and Invention Subjects in Malaysian Secondary Schools. 3, 63–71.
- Mohd. N. A. B., Ramlee. M, & Ibrahim, M. S. (2011). Penilaian Program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Bagi Bidang Pertanian Di Sekolah Menengah Harian Di Semenanjung Malaysia. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Farahah, D. & Suziyani, M. (2018). Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. *Jurnal ORTOPEDAGOGIA*, 4(1), 66-71.
- Nasnan, J. (2015). *Tanam cendawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlia M.A., Mohd Hanafi M.Y. (2016). Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam pelan pembangunan pendidikan malaysia 2013 - 2015. Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6, (January), 29–35.
- Paris, T. 2016. The effect of temperature increase on mushroom cultivation. *Journal Science & Food Agricultural*, 89, 1066-1075.
- Rosmiza, M. Z., & Ghazali, M. H. (2020). Cabaran projek tanam cendawan sebagai sastransisi kerjaya-akeusahawanan agro kepada Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran (Challenges in the mushroom project as a basis of career transition of agro-entrepreneurship for Special Needs Pupils with Learning Difficulties). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(1).
- Romero, G., Romero Martínez, G., Pinta, D. A., & Borda, L. Á. (2018). CIPP model to evaluate the principles applied to develop the Input Skills in the Bachelor Degree Program of EFL. *International Journal of Education and Learning Systems*, 3(October), 117–128. Retrieved from <http://iaras.org/journals/ijels>
- Sopha, S., & Nanni, A. (2019). The cipp model: Applications in language program evaluation. *Journal of Asia TEFL*, 16(4), 1360–1367. <https://doi.org/10.18823/asiatefl.2019.16.4.19.1360>
- Suriman, S., & Tahar, M. M. (2018). Teacher Readiness towards the Offer of Malaysian Skills Certificate in Special Education Integration Programme in Secondary Schools. *Journal of ICSAR*, 2(1), 1–8. <https://doi.org/10.17977/um005v2i12018p001>
- Syed K. S. I. (2018). Penilaian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan ( Pimp ) Matematik Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Zon Utara.